



**USAHA BERSAMA:** Dr Norul (dua kanan belakang) bersama pengurusan UPMKB dan SK Rancangan Sepupok Niah menyaksikan penanaman anak pokok.

## UPMKB jayakan Kempen Flora dan Fauna di SK Rancangan Sepupok Niah

**BINTULU:** Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan (FSPH) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) telah menganjurkan Kempen Flora dan Fauna 2023 dengan jayanya sempena Minggu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Sekolah Kebangsaan (SK) Rancangan Sepupok Niah baru-baru ini.

Jurucakap UPMKB berkata, program itu bertujuan

menerapkan kepentingan penjagaan alam sekitar kepada warga sekolah dan komuniti setempat.

Katanya, warga Jabatan Sains Perhutanan FSPH UPMKB dijemput menjayakan program ini supaya semua pihak dapat bekerjasama

menjaga alam sekitar.

Berucap pada perasmian program tersebut, Ketua Jabatan Sains Perhutanan UPMKB Dr Norul Izani Md Allwi berkata, program seumpamanya dapat memupuk minat pelajar untuk belajar mengenai kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar.

“Program ini juga dapat memberi ruang dan peluang kepada semua pihak untuk bekerjasama dalam menjaga alam sekitar,” ujarnya.

Terdahulu seramai 150 peserta menyertai program ini termasuk delegasi dari UPMKB terdiri daripada kakitangan Jabatan Sains Perhutanan dan pelajar Diploma Perhutanan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti taklimat oleh Dr Ahmad Mustapha Mohamad Pazi tentang teknik pemindahan semula anak pokok ke polibeg baharu serta ceramah mengenai kepentingan penjagaan flora dan fauna oleh Profesor Madya Dr John Keen Chubo.

Pada program itu, sebanyak 114 anak pokok berjaya ditanam semula ke dalam polibeg bagi penghijauan kawasan sekolah tersebut.

Selain itu, dua piala pusngan pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas turut disampaikan kepada pemenang.